

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.0 PENDAHULUAN**

Bab ini akan membincangkan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis penggunaan kohesi dalam karangan bahasa Tamil Tingkatan 3. Aspek-aspek yang diberi penekanan dalam kaedah kajian ini adalah reka bentuk kajian, pemilihan sampel kajian, pengumpulan data dan penganalisan data.

#### **3.1 REKA BENTUK KAJIAN**

Pengkaji telah menggunakan kaedah campuran, iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif untuk menjalankan kajian ini. Kiraan kuantitatif mudah secara peratusan digunakan untuk menganalisis data kajian. Kaedah analisis kandungan secara kualitatif digunakan untuk menganalisis penggunaan kohesi dalam karangan pelajar. Manakala kekerapan penggunaan dan pencapaian penggunaan kohesi nahan dalam karangan jenis perbahasan dan karangan jenis perbincangan dianalisis dan dibentangkan secara kuantitatif.

Pengkaji juga menganalisis data dari segi gender dan tabiat membaca pelajar. Kajian ini juga melihat pencapaian gred pelajar mengikut jantina. Pengkaji juga menganalisis penggunaan jenis-jenis sarana kohesi nahan mengikut gred karangan. Kesalahan ejaan dan struktur ayat yang terdapat dalam karangan

sampel kajian tidak dianalisis kerana tidak membawa sebarang signifikan dalam penganalisan kohesi.

### **3.2 KERANGKA KONSEP PENGANALISISAN KOHESI DALAM WACANA**

Halliday dan Hassan (1976) telah menjelaskan bahawa sesuatu teks itu dianggap sebagai kohesif sekiranya sarana kohesif yang tepat, sesuai dan betul digunakan. Khatijah (1977) dan Johnson (1992) berpendapat bahawa karangan yang kandungannya tepat dengan tajuk dan tema serta menunjukkan kesatuan idea melalui gaya persembahan yang menarik dan berkesan boleh dianggap sebagai sebuah teks yang koherannya utuh.


Oleh kerana Halliday dan Hassan (1976) merupakan pelopor dalam bidang analisis wacana dan ramai pengkaji-pengkaji selepas mereka telah menggunakan kerangka konsep penganalisan kohesi mereka untuk mengkaji aspek kekohesifan dalam wacana, maka pengkaji telah menggunakan model mereka bagi tujuan kajian ini.

Penggunaan model Halliday dan Hassan (1976) untuk menganalisis sarana kohesi bahasa Tamil adalah suatu pendekatan yang harus dilakukan secara teliti dan berhati-hati. Ini adalah kerana ciri-ciri tatabahasa Tamil mempunyai pelbagai unsur berlainan daripada bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun pengkaji telah memastikan ketepatannya setelah merujuk kepada pakar-pakar bahasa Tamil di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya. Pandangan dan pendapat kedua selalu diperolehi bagi mengatasi kesukaran atau

kekeliruan yang timbul semasa menganalisis data. Ini dilakukan untuk memastikan kualiti kajian.

### 3.3 PROSEDUR KAJIAN

Prosedur-prosedur berikut telah diikuti oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini.



**Rajah 3.1 Carta Aliran Prosedur Kajian**

### **3.4 INSTRUMEN KAJIAN**

Dua instrumen telah digunakan dalam kajian ini. Penerangan mengenai instrumen-instrumen tersebut adalah seperti tersebut.

#### **3.4.1. Tajuk-tajuk karangan**

Sebanyak sepuluh tajuk karangan bagi setiap satu jenis karangan, iaitu karangan jenis perbincangan ( Lampiran iii A ) dan karangan jenis perbincangan (lampiran iv A) telah digunakan dalam kajian ini.

Tajuk-tajuk karangan ini telah ditentukan oleh pengkaji dan empat orang guru berpengalaman yang mengajar Tingkatan tiga. Soalan-soalan PMR juga dirujuk untuk menentukan format dan aras kesukaran soalan-soalan ini.

#### **3.4.2. Soal Selidik**

Soal selidik ini mengandungi 21 item positif dan 8 item negatif (Lampiran ii A). Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengandungi ítem-ítem yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat asas demografi termasuk gred pencapaian dalam penulisan karangan pada tahap UPSR dan bahasa yang digunakan di rumah.

Bahagian B soal selidik ini mengandungi ítem-ítem yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat seperti minat mengarang, minat membaca, jenis karangan yang diminati dan penggunaan buku rujukan.

### **3.4.3 Instrumen Penilaian Karangan Secara Holistik**

Pengkaji telah menghasilkan satu instrumen penilaian karangan secara holistik dengan kriteria-kriteria yang ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (Lampiran VIII). Pengkaji juga telah berbincang dengan penyelia dan dua orang guru bahasa Tamil yang berpengalaman lebih daripada lima tahun dalam urusan pemeriksaan kertas karangan bahasa Tamil pada peringkat PMR untuk menghasilkan instrumen ini. Instrumen ini digunakan untuk mengkategorikan karangan kepada 4 gred, iaitu gred A, B, C dan D.

### **3.5 SAMPEL KAJIAN**

Dalam kajian ini seramai 60 orang pelajar tingkatan tiga telah dipilih dari Sekolah Menengah Sungai Kapar Indah dan SMK Seksyen 19, Shah Alam. Pengkaji tidak menghadapi sebarang masalah dalam pemilihan sampel kajian. Sampel kajian terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan. Tiga puluh orang pelajar lelaki dan tiga puluh orang pelajar perempuan yang berbeza tahap dipilih. Pelajar-pelajar ini mempunyai pelbagai latar belakang seperti berlainan sikap dan minat terhadap kemahiran mengarang serta pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang tinggi dan rendah dalam mata pelajaran Bahasa Tamil. Penghasilan dua jenis karangan, iaitu perbincangan dan perbincangan dijadikan sebagai data kajian untuk dianalisis penggunaan koheisi.

Daripada Jumlah 60 orang pelajar, 30 orang pelajar adalah dari SMK Sungai Kapar Indah, Kapar, Selangor (sekolah luar bandar) dan seramai 30 dari SMK Seksyen 19, Shah Alam, Selangor (sekolah kawasan bandar). Kesemua sampel

kajian berlatarbelakangkan pendidikan asas daripada Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil selama enam tahun.

Istilah-istilah kohesi diterjemahkan daripada kamus leksikan. Buku-buku rujukan membantu mendefinisikan istilah-istilah dari bahasa Inggeris ke bahasa Tamil. Karya-karya nahu bahasa Tamil merupakan asas rujukan kajian ini.

### **3.6 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Dalam kajian ini data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk mengkaji secara lebih objektif dan sistematik kandungan karangan yang dihasilkan oleh pelajar. Kaedah ini membantu mengenal pasti kekerapan penggunaan kohesi dalam karangan dengan tepat.

Satu set soal selidik demografi (Lampiran IIA, IIB) digunakan untuk mengumpul data mengenai latar belakang pelajar iaitu jantina, tempat tinggal dan tabiat membaca.

Soal selidik Katijah Abdul Hamid (1997) telah diubahsuai dan digunakan untuk mengkaji tabiat membaca dalam kalangan responden. Butiran-butiran yang terdapat dalam soal selidik ini meliputi sikap yang berkaitan dengan usaha dalam kemahiran mengarang misalnya, perasaan dan pandangan pelajar terhadap kemahiran mengarang pelajar telah dikemukakan. Soal selidik ini mengandungi sebanyak 21 item berbentuk kenyataan positif dan

8 item kenyataan negatif. Sebelum dikemukakan kepada sampel kajian sebenar, soal selidik ini telah diuji rintis bagi mengatasi kelemahan sebagai percubaan. Kemudian diubah suai semula dengan menggugur butiran yang tidak relevan dan ayat-ayat telah diperbaiki dalam kenyataan supaya tidak timbul kekeliruan dalam memahami kenyataan atau soalan tersebut. Respon dalam soal selidik ini terdiri daripada sangat setuju, setuju, kurang pasti, tidak setuju dan tidak setuju sama sekali. Data-data yang dianalisis ini digunakan untuk menghurai lebih lanjut mengenai penghasilan karangan mereka.

### **3.6.1 Penulisan dan Penyemakan**

Pelajar diarah menulis salah satu karangan daripada dua tajuk karangan (lampiran V) yang diberi. Seramai 60 orang pelajar dari dua buah sekolah dikenal pasti. Mereka ditugaskan menulis karangan dalam masa 60 minit. Panjang karangan dihadkan kepada 180 hingga 200 patah perkataan. Sebelum pelajar-pelajar diminta menulis karangan, maklumat latar belakang mereka telah dikumpulkan melalui soalselidik. Ujian penulisan dijalankan oleh pengkaji dan guru bahasa SMK Seksyen 19, Shah Alam. Penulisan karangan dijalankan serentak pada masa dan tarikh yang sama disekolah masing-masing. Pelajar diberi lima minit untuk membaca arahan dan soalan sebelum mereka mula menulis. Pengkaji memeriksa karangan secara holistik (*band system*) mengikut format PMR dan diberi gred sebagai A,B,C dan D. (lampiran VIII).


### **3.7 PENGANALISAAN DATA**

Selepas diperiksa, karangan dibahagikan mengikut gred A,B,C dan D. Kesemua teks tersebut, dikekalkan dalam bentuk asal. Tidak ada apa-apa kesalahan dibetulkan. Selepas itu, kesemua teks dianalisis secara berperingkat untuk mengetahui kekerapan penggunaan kohesi dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Seterusnya data dianalisis untuk mencari jawapan bagi soalan-soalan kajian yang dinyatakan dalam bab satu. Kaedah penganalisisan data dilakukan mengikut langkah-langkah tertentu yang akan dibincangkan.

#### **3.7.1 Penganalisisan Kohesi Nahuan Berdasarkan Kerangka Konsep Analisis Wacana Halliday dan Hasan (1976)**

Sarana kohesi nahuan yang terkandung dalam karangan responden kajian telah dianalisis secara kualitatif berdasarkan kerangka pengkategorian yang disarankan oleh Halliday dan Hasan (1976). Rumusan pengkategorian sarana kohesi tersebut dijelaskan dalam rajah berikut:





**Rajah 3.2: Pengkategorian Sarana Kohesi Secara Keseluruhan.**

Pengkaji telah menggunakan pengkategorian Sarana Kohesi Halliday dan Hasan (1976) dengan mengadaptasikan kepada kohesi nahuan bahasa Tamil (seperti penerangan terperinci yang terdapat dalam bab 2) untuk menganalisis sarana kohesi nahuan dalam kajian ini.

### 3.7.2 Penganalisisan Data Kuantitatif

a) **Kekerapan Penggunaan Kohesi Nahuan Mengikut Gred Karangan.**

Peratus Penggunaan kohesi Nahuan Mengikut Gred Karangan

$$\frac{\text{Bilangan penggunaan kohesi}}{\text{Jumlah penggunaan}} \times 100$$

b) **Perbezaan penggunaan kohesi nahuan dalam penulisan dua jenis karangan.**

Peratus Penggunaan kohesi Nahuan dalam penulisan dua jenis karangan.

$$\frac{\text{Bilangan penggunaan kohesi}}{\text{Jumlah penggunaan}} \times 100$$

c) **Prestasi pencapaian pelajar dalam penulisan karangan mengikut latar belakang masing-masing.**

Peratus pencapaian pelajar dalam penulisan karangan mengikut latar tempat masing-masing.

$$\frac{\text{Bilangan Pelajar}}{\text{Jumlah pelajar}} \times 100$$

d) **Penggunaan kohesi nahuan dari segi gender.**

Peratus Penggunaan kohesi nahuan dari segi gender

$$\frac{\text{Bilangan penggunaan kohesi}}{\text{Jumlah penggunaan}} \times 100$$

Selepas data dianalisis mengikut langkah-langkah di atas, pengkaji cuba mencari jawapan bagi soalan-soalan kajian yang dinyatakan dalam Bab 1. Data yang diperolehi daripada karangan pelajar, maklumat yang diperolehi melalui soal selidik dan temubual ditriangulasikan untuk memperkukuhkan lagi dapatan kajian ini.

### **3.8 KESIMPULAN**

Dalam bab ini reka bentuk kajian yang merangkumi kaedah kajian diperjelaskan. Pengkaji juga telah menjelaskan mengenai sampel kajian dan sumber data. Selain itu prosedur kajian yang menjelaskan bagaimana data dikumpulkan dan dianalisis diterangkan. Penggunaan Kerangka Konsep Halliday dan Hasan (1976) telah ditentukan untuk menganalisis kohesi nahuan karangan pelajar-pelajar.